

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka Miskin pun hairanlah akan dirinya sebab bertuah untungnya maka boleh diberi orang pasar berbagai-bagai jenisnya. Adapun tatkala akan dahulu jangankan diberinya, hampir pun tiada boleh, dilemparnya dengan batu dan kayu. Setelah sudah fikir demikian itu maka ia pun kembalilah mendapatkan bininya. Maka segala buah-buahan dan makanan dan kain baju itu pun ditunjukkan kepada bininya seraya berceterakan halnya tatkala di pasar itu.

Maka bininya pun menangis tiada mahu makan jikalau tiada buah mempelam yang dalam taman raja itu. Maka bininya pun berkata, "Biarlah aku mati sekali."

Maka *terlalulah sebal hati* suaminya melihatkan laku bininya seperti orang hendak mati rupanya tiada berdaya lagi. Maka suaminya pun pergilah menghadap Maharaja Indera Dewa itu. Maka baginda pun sedang dihadap oleh segala anak raja-raja. Maka Miskin pun sampailah ia lalu masuk ke dalam sekali.

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, apa kehendakmu?"

Maka Miskin pun sujud kepalanya lalu ke tanah sembahnya, "Ya Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertua akan patik yang hina ini, patik hendak memohon akan mempelam Duli Syah Alam yang gugur barang sebiji."

Maka titah baginda kepada hambanya, "Pergilah engkau ambilkan buah mempelam itu barang setangkai kepada Miskin."

Maka diambilkan oranglah; diberikannya kepada Miskin itu. Maka diambilnya seraya menyembah kepada baginda itu lalu ia keluar berjalan kembali.

Dipetik daripada prosa "Bahagia Sesudah Derita",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Maksud rangkai kata *terlalulah sebal hati* ialah
- A amat berasa simpati kerana sedih.
 - B sangat berasa bersalah akibat ditipu.
 - C sungguh berasa kesal kerana kecewa.
 - D paling berasa marah kerana gagal menunaikan hajat.
- 12 Berdasarkan petikan, Maharaja Indera Dewa digambarkan sebagai pemimpin yang
- A peramah.
 - B baik hati.
 - C penyayang.
 - D bertanggungjawab.
- 13 Berikut adalah antara tindakan Miskin untuk memenuhi permintaan bininya, **kecuali**
- A sujud kepalanya lalu ke tanah.
 - B menghadap Maharaja Indera Dewa.
 - C menyatakan hajatnya kepada Maharaja Indera Dewa.
 - D berkata-kata sambil menangis di hadapan Maharaja Indera Dewa.

- 14 Berikut adalah antara pengajaran yang terkandung dalam petikan tersebut, **kecuali**
- A kita hendaklah selalu berbaik-baik dengan orang kaya.
 - B kita tidak sewajarnya memandang hina terhadap orang lain.
 - C kita haruslah mengamalkan sikap belas kasihan terhadap orang lain.
 - D kita perlulah berusaha dengan gigihnya untuk mencapai sesuatu hajat.
- 15 Penyataan yang manakah **benar** tentang petikan?
- A Isteri Miskin ingin makan buah mempelam yang belum gugur sahaja.
 - B Miskin meminta setangkai buah mempelam Maharaja Indera Dewa yang belum gugur.
 - C Maharaja Indera Dewa menitahkan hambanya mengambilkan setangkai buah mempelam di taman raja untuk diberikan kepada Miskin.
 - D Maharaja Indera Dewa menitahkan hambanya memberikan sebiji buah mempelam yang telah gugur kepada Miskin.